

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                                                     | <b>Akhbar</b> |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|
| 1.         | Usaha promosi ASEAN buka perubahan positif antara negara anggota                                                 | BERNAMA       |
| 2.         | Govt's Efforts to Promote ASEAN Brings Positive Changes                                                          | BERNAMA       |
| 3.         | 700 wanita di sasar manfaat Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks bersama Alat Persampelan Sendiri | Utusan Borneo |
| 4.         | DID issues warnings in four states                                                                               | The Star      |



## Usaha Promosi ASEAN Buka Perubahan Positif Antara Negara Anggota

MELAKA, 20 Nov (Bernama) -- Usaha kerajaan mempromosikan ASEAN menerusi pelbagai medium dilihat mampu membuka pelbagai perubahan positif dalam pembangunan dan kemajuan masyarakat, ekonomi, mentaliti serta hubungan dua hala antara negara anggota.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** berkata pendedahan yang secukupnya berkaitan negara anggota ASEAN penting bagi memastikan Malaysia sentiasa bergerak seiring dengan negara anggota lain dan tidak ketinggalan dalam apa juga bidang.

Beliau berkata negara yang membangun seperti Malaysia tidak boleh bersendirian, sebaliknya memerlukan sokongan dan kerjasama menyeluruh dengan negara anggota ASEAN agar dapat bersaing atau setaraf dengan mereka dalam bidang tertentu.

"Paling penting hubungan erat antara 10 anggota ASEAN ini mampu membuka peluang pekerjaan, perdagangan dan perniagaan yang sangat luas dan membantu pertumbuhan ekonomi anggota ASEAN," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Program ASEAN@Community anjuran Jabatan Penerangan di sini, Ahad.

Program ASEAN@Community di bawah pakej ASEAN@Yourfingertips merupakan satu kaedah yang amat mudah, ringkas dan senang bagi mengenali negara ASEAN dalam tiga pendekatan iaitu 'penglibatan', 'menyebarkan ilmu pengetahuan' dan 'pembelajaran visual' dan ia akan dilaksanakan secara berperingkat di seluruh negara.

Abu Bakar berkata masyarakat di negara ini sekurang-kurangnya perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan pelbagai aspek, termasuk cara hidup, adat dan budaya masyarakat negara jiran serta bentuk muka bumi mereka agar hubungan dua hala yang terjalin dapat diperkukuhkan.

Beliau berkata banyak manfaat mampu dikecapi melalui perjanjian yang termeterai antara negara anggota ASEAN sekaligus dapat membentuk komuniti ASEAN yang mampan merangkumi pelbagai sektor dan aspek pembangunan.

"Malaysia sebagai satu daripada ekonomi terkuat dalam ASEAN akan meraih pelbagai manfaat dan perangsang pembangunan seperti pertumbuhan dalam permintaan pasaran dan pertumbuhan daya saing perniagaan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abu Bakar berkata perhimpunan Bersih 5.0 yang berlangsung semalam disifatkan sebagai satu suara kuat yang tidak didengari rakyat kerana ia bukan sahaja gagal mencapai matlamat menjatuhkan kerajaan malah merupakan perbuatan sia-sia kepada negara.

Anggota Parlimen Tangga Batu itu berkata penganjuran perhimpunan berkenaan hanya memecah-belahkan perpaduan serta keamanan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini serta mengganggu perkembangan ekonomi setempat dan menjejaskan aktiviti harian masyarakat.

-- BERNAMA



## Govt's Efforts To Promote ASEAN Brings Positive Changes

MELAKA, Nov 20 (Bernama) -- The government's efforts to promote ASEAN through various medium, including programmes organised by the Information Department, are capable of bringing positive changes the development and progress of the community, economy, mentality and bilateral relations among member countries.

**Science, Technology and Innovation Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** said adequate exposure on ASEAN neighbouring countries was important for Malaysia to move in tandem and not left behind by other member countries.

"A developing country like Malaysia cannot be alone. Instead, we need the support and cooperation from other ASEAN countries to be able to compete with them.

"Most important, the close relations among the 10 ASEAN member countries is capable of opening opportunities for employment, trade and business to boost economic growth in the region," he told reporters after closing the ASEAN@Community programme at Pantai Puteri, here, Sunday.

He said Malaysians should at least have basic knowledge on various aspects, including lifestyle, customs and culture of the people in neighbouring countries.

Organised by Information Department, the ASEAN@Community program under the ASEAN@Yourfingertips package, offers simple, concise and easy method to recognise the ASEAN countries.

-- BERNAMA

## 700 wanita disasar manfaat Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks Bersama Alat Persampelan Sendiri

Utusan Borneo (Sabah) 20 Nov 2016 +2 more



DARI kiri: Puan Lailah Che Mohd Darus, Setiausaha Bahagian Inovasi dan Pengkomersilan, MOSTI, Puan Mariamah Hj Daud, Pengarah, Bahagian Pemindahan Teknologi, Inkubator & Pengkomersialan MTDC, Y.Bhg. Dato' Dr. Mohd Azhar Hj Yahaya, Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg Datin Dr. Jaina Sintian, Ketua Exco Pergerakan Wanita UPKO, YgBhg Prof. Datin Dr. Rozi Mahmud, Pengarah Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser, UPM (CaRE), YBhg Dato' Norhalim Yunus, Ketua Eksekutif MTDC, Encik Romli Ishak, Pengarah Urusan LaDIY Healthcare Sdn Bhd.

**TAMPARULI:** Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) bersamasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) dengan kerjasama LaDIY Healthcare Sdn Bhd dan Pusat Sumber dan Pendidikan Kanser, UPM (CaRE) menganjurkan Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks Bersama Alat Persampelan Sendiri, Cervisafe yang merupakan salah satu daripada Program Inovasi Sosial Mosti (MSI).

Mewakili Datuk Seri Panglima Madius Tangau Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datin Dr. Jaina Sintian Ketua Exco Pergerakan Wanita Parti Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (Upko) kelmarin melancarkan Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks Bersama Alat Persampelan Sendiri, Cervisafe di lokasi pertama program ini di sini, kelmarin.

Dr. Jaina berkata, "Tujuan Program MSI adalah untuk

membantumasyarakatdankomuniti memenuhi keperluan dan meningkatkan kesejahteraan hidup melalui pelaksanaan projek, perkhidmatan, peningkatan kemahiran atau hasil inovasi menggunakan teknologi sedia ada.

Di samping itu tambahnya, ia juga merupakan inisiatif kerajaan dalam menggalakkan budaya inovasi dalam kalangan rakyat dan menyampaikan hasil inovasi kembali kepada rakyat. dana yang diperuntukan oleh kerajaan melalui Mosti yang terhasil dalam

**SAMBUNGAN...**  
**BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**



**DEMONTRASI** penggunaan Cervisafe oleh kakitangan LaDIY Healthcare Sdn Bhd di Pelancaran Program Inovasi Sosial MOSTI (MSI) Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks Bersama Alat Persampelan Sendiri.

bentuk produk dan teknologi yang inovatif dapat dimanfaatkan secara langsung kepada rakyat dan kita ingin memastikan ianya benar-benar mampu memberi impak langsung kepada golongan sasaran," katanya.

LaDIY Healthcare Sdn. Bhd. adalah syarikat penerima dana CRDF MTDC dan syarikat mengkomersilkan kit persampelan sendiri, Cervisafe, bagi meningkatkan pengesanan awal kanser serviks dalam kalangan wanita di seluruh negara. Cervisafe membolehkan para wanita menjalankan sendiri prosedur persampelan di rumah dengan keadaan selesa.

Ketua Eksekutif MTDC, Datuk Norhalim Yunus berkata, di bawah Program MSI, MTDC telah dipertanggungjawabkan oleh Mosti untuk melaksanakan 8 Program di

mana lapan Syarikat Pembekal Teknologi yang terdiri daripada penerima Dana CRDF dan universiti akan menjalankan pelbagai aktiviti berteraskan teknologi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup pelbagai lapisan masyarakat. Ini termasuklah Program Kesedaran Kesihatan Terhadap Kanser Serviks Bersama Alat Persampelan Sendiri, Cervisafe yang dilancarkan

kelmarin. Program ini akan dilaksanakan di 10 lokasi dengan fokus utama di kawasan luar bandar dalam tempoh masa enam bulan. Melalui program ini, MTDC dan MOSTI mensasarkan untuk membuat persampelan ke atas 700 wanita yang layak.

Program kelmarin berjaya menarik minat lebih 300 penduduk sekitar Tamparuli dan 100 daripada mereka layak menjalani ujian persampelan sendiri. Tambahnya lagi, penerimaan produk Cervisafe dapat menggalakkan lebih ramai wanita di Malaysia tampil menjalani saringan kanser serviks dengan lebih privasi, seterusnya menurunkan kadar kejadian kanser serviks di negara ini, setaraf dengan negara maju yang lain menjelang tahun 2020.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 21 NOVEMBER 2016 (ISNIN)**

## **DID issues warnings in four states**

Alert over heavy rain and overflowing rivers goes out in Kelantan, Terengganu, Johor and Perlis

**PETALING JAYA:** Warnings of heavy rain and overflowing rivers have been issued in four states by the Department of Irrigation and Drainage (DID).

This covers selected areas in Kelantan, Terengganu, Johor and Perlis.

The DID flood information website <http://publicinfobanjir.water.gov.my/> yesterday sent out an initial warning that villagers in Kampung Sungai Buluh and Batu Bertangkup

in Perlis should be careful after 51mm of rainfall was recorded before the danger subsided.

Another warning was issued for residents in the vicinity of Empangan Bukit Kwong in Pasir Mas, Kelantan, after 44mm of rain was recorded as of 5pm yesterday.

Two subsequent warnings were sent out an hour later for Sg Kelantan, Tanah Merah (Kelantan) and Sg Cherul in Kemaman (Terengganu) after 39mm and

46mm of rainfall were recorded respectively.

Separate warnings were issued for villagers near Sungai Muar and Sungai Penarik in Johor when the water in the two rivers reached danger levels.

However, DID did not issue any flood or flood forecast warnings on their website yesterday.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) indicated that more than 500mm of rain

had been forecast for Kelantan, Terengganu, Pahang and east Johor until the end of year.

The rainfall, according to MetMalaysia, is typical for this time of year due to the northeast monsoon.

MetMalaysia's weather outlook has also forecast that Perlis, Kedah, Penang and north Perak would receive lower than normal rainfall (less than 150mm) between January and February next year.

Other areas in the peninsula are forecast to receive normal rainfall of between 100mm and 300mm.

Between March and April next year, all states are expected to receive normal rainfall of between 100mm and 350mm.

A metMalaysia spokesman had said floods could be expected if there was continuous rainfall for three to five days. The east coast monsoon, which began last week, typically lasts until March.